

**PEMERDAGANGAN ORANG**

# MAHKAMAH KHAS DITUBUH

Siti A'isyah Sukaimi

sitiaisyah@hmetro.com.my

**Putrajaya**

**M**ahkamah khas bagi mengendalikan kes pmerdagangan orang ditubuhkan pertengahan tahun ini dengan projek rintis bermula di Klang, Selangor.

Ketua Hakim Negara Tun Raus Sharif berkata, berdasarkan statistik kes berkaitan pmerdagangan orang dilihat meningkat sekali gus memerlukan mahkamah khas mengendalikannya.

"Dengan adanya mahkamah khas ini, menumpukan



foto: AHMAD IBHAM MOHD NOOR

**FAKTA**  
Projek rintis bermula di Klang, Selangor

**HAKIM** yang menghadiri Majlis Pembukaan Tahun Kehakiman 2018 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

sepemuhnya kes pmerdagangan orang malah, daripada pengalaman lalu, kes seperti ini dikendalikan dengan

baik. "Kes pmerdagangan orang perlu ditupuskan segera kerana kadangkala, ada

saksi dalam penahanan jadi perlu dipercepatkan," katanya pada sidang media Majlis Pembukaan Tahun Kehaki-

man 2018 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Bellau berkata, penubuhan

mahkamah khas itu bagi mengelakkan perjalanan kes daripada tertunggak.

"Sewaktu penubuhan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak sebelum ini, kami melaksanakan secara projek rintis sebelum diperluaskan ke negeri lain.

"Kami melihat kepada statistik, misalnya jika ada peningkatan kes pmerdagangan orang di negeri tertentu, kami menubuhkan mahkamah khas ini menerusi fasa seterusnya," katanya.

Berhubung Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak, bellau berkata, bermula Julai hingga Disember tahun lalu, 287 kes daripada 357 kes yang didaftarkan ditupuskan.

Menurutnya, hingga tarikh 31 Disember lalu, 70 kes belum selesai dan angka yang diperolehi itu menunjukkan 80.4 petatus kes ditupuskan dalam tempoh satu tahun selepas penubuhan mahkamah khas itu.